



SIARAN MEDIA

GDCKL2020, Inisiatif Perkasa Industri Dron Tempatan

Kuala Lumpur, 2 Mac 2020 – SME Corp. Malaysia dengan kerjasama Best Events Productions Sdn. Bhd. telah menganjurkan *Global Drone Conference & Hackathon 2020 (GDCKL2020)*. Ini merupakan satu inisiatif kerjasama awam-swasta yang bertujuan untuk memperkasa dan menyokong pembangunan dan pertumbuhan pembekal penyelesaian dron tempatan serta menggalakkan ekosistem yang mampan bagi memacu industri dron di Malaysia. Acara ini akan berlangsung dari 2 hingga 3 Mac 2020 di Pusat Perdagangan dan Pameran Antarabangsa Malaysia (MITEC).

Program pembangunan industri Aeroangkasa yang dilaksanakan oleh SME Corp Malaysia telah mengenalpasti Mobiliti Udara sebagai salah satu sub-sektor di bawah industri Aeroangkasa untuk terus dibangunkan. Sehingga kini, sebanyak 15 syarikat tempatan yang terlibat secara aktif di dalam kecerdasan buatan (AI), sensor, pengimejan digital, analisis data dan pembangunan bateri di bawah sub sektor Mobiliti Udara telah dikenalpasti di bawah program pembangunan ini. Program bagi industri Mobiliti Udara ini akan menggunakan modul Inisiatif Pembuatan Aeroangkasa yang berjaya dilaksanakan sebelum ini bagi membimbing PKS sebagai pemain global yang mendapat pertumbuhan hasil yang tinggi dan menembusi pasaran antarabangsa.

Bertemakan "*Asia's Flightpath: Future Growth, Industry Verticals*", *GDCKL2020* telah dirasmikan oleh YBhg. Dato 'Sri Syed Hussien Al Habshee, Pengerusi, SME Corp. Malaysia. Turut menghadiri majlis perasmian *GDCKL2020* ini ialah YBrs. Encik Abkari Abdullah, Pengarah Kanan, Bahagian Pembangunan Industri Halal dan Vendor, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC); dan YBrs. Encik Noor Azmi Mat Said, Ketua Pegawai Eksekutif, SME Corp. Malaysia.

GDCKL2020 menghimpunkan lebih dua puluh pakar industri antarabangsa dari bidang-bidang berkaitan untuk berbincang dan meninjau strategi dan langkah ke hadapan yang seterusnya bagi penggunaan dron komersial secara efisien di Malaysia dan Asia.

Fokus utama persidangan ini adalah untuk memberi pendedahan kepada usahawan mengenai kelebihan penggunaan teknologi dron terutama dalam sektor pertanian, pembinaan, tenaga dan utiliti, infrastruktur, keselamatan awam dan perkhidmatan kecemasan di mana ia dapat membantu meningkatkan produktiviti dan kecekapan penyampaian perkhidmatan serta menjimatkan kos. Antara penceramah tempatan yang terlibat dalam persidangan ini adalah Encik Kamarulazman Muhamed (Aerodyne Group); Dr. Max Lo (MATA Aerotech Sdn. Bhd.); Dr. Syed Omar (Malvus Sense); dan Encik Jin Xi Cheong (Poladrone). Penceramah antarabangsa terdiri daripada Encik Uttam Pudasaini (Nepal Flying Labs); Encik Benjamin Wannan, (Wannan Space); Encik Tsuyoshi Habuchi (Terra Drone Corporation); dan Encik Kanav Kumar (BetterDrones).

Turut dianjurkan semasa *GDCKL2020* berlangsung adalah pameran kerangka udara drone (*drone airframes*), perisian, sensor dan perkhidmatan, kecerdasan buatan (AI), internet pelbagai benda (IoT), solusi robotik serta perkhidmatan sokongan lain seperti khidmat nasihat kewangan dan perniagaan. Pempamer yang terlibat terdiri daripada pempamer tempatan dan antarabangsa. Acis Technology, Aerodyne, Aeronerve, Ata Plus, MATA Aerotech, Malvus Sense, Meraque, MIDF, Poladrone, ReliaCraft Engineering, TNB IIsas merupakan pempamer tempatan manakala Wannan Space dan Elistair adalah antara syarikat antarabangsa yang menyertai pameran.

- TAMAT -

Untuk maklumat lanjut, sila berhubung dengan Puan Nor Azian Md Yusof di talian 03-2775 6174 atau Puan Noor Mastura Ramli di talian 03-2775 6006 atau emel – azian@smecorp.gov.my / noormastura@smecorp.gov.my

PERBADANAN PERUSAHAAN KECIL DAN SEDERHANA MALAYSIA (SME CORP. MALAYSIA)

SME Corp. Malaysia
Level 6, SME 1, Block B
Platinum Sentral
Jalan Stesen Sentral 2
Kuala Lumpur Sentral
50470 Kuala Lumpur
Tel : 1300-30-6000
Faks : 603-2775 6001
E-mel : info@smecorp.gov.my
Laman sesawang : www.smecorp.gov.my

SME Corp. Malaysia

SME Corp. Malaysia merupakan sebuah Agensi Penyelaras Pusat di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) yang menyelaras pelaksanaan Program Pembangunan PKS anjuran semua Kementerian dan agensi yang berkaitan. Ia bertindak sebagai pusat rujukan setempat bagi penyelidikan dan penyebaran data PKS serta menyediakan khidmat nasihat untuk PKS di Malaysia. SME Corp. Malaysia turut memainkan peranan sebagai Sekretariat kepada Mesyuarat Majlis Pembangunan Usahawan dan PKS Kebangsaan (MPUPK) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri Malaysia.

Best Events Productions Sdn. Bhd.

Best Events Productions adalah *brand experience and cause marketing agency* yang juga menghasilkan acara sendiri seperti *Global Drone Conference*. Dengan lebih daripada 10 tahun dalam industri acara, Best Events Productions mempunyai kemahiran khas dalam acara-acara awam, pameran, teknologi yang mendalam dan inventif serta menghubungkan masyarakat dan perniagaan. Bekerjasama dengan jenama hebat seperti McLaren, CHANEL, SHELL dan Spirit Aerosystems di seluruh dunia, Best Events Productions komited melakukan sesuatu yang luar biasa setiap hari.

Untuk maklumat lanjut, layari www.bestevents-asia.com

Hubungi:

Nama : Hanniz Efni

Emel : hanniz@bestevents-asia.com

HP: +6012 295 8025

Laman sesawang: www.bestevents-asia.com